



FIQH LAILATUL QADAR

IMĀM AL-NAWAWĪ

Diterjemahkan Oleh:
MOHAMMAD SYAFIQ ISMAIL



Terbit edisi e-book, Mei 2020
© Angkatan Belia Islam Malaysia

Pengarang: Imām al-Nawawī (w. 676H)
Penterjemah: Mohammad Syafiq Ismail
Penyunting dan transliterasi: Mohd Khairul Anwar Ismail
Reka Bentuk Kulit: Ainatunnadiah Azizan
Reka Bentuk Huruf: Muhammad Fateh



ABIM PRESS PLT (LLP0012799-LGN)
No. 6, Jalan TC 2A/2
Taman Cemerlang
53100 Kuala Lumpur
MALAYSIA

No. Telefon (P): +603-4108 4500
No. Telefon (HP/Whatsapp): +6013 3916299
No. Faks: +603-41082400
Emel: abimpressmy@gmail.com
Laman Sesawang: www.abimpress.com
FB: @ABIM PRESS

MUKADIMAH PENTERJEMAH



Atas nama Yang Kasih, daku menulis.

Selawat dan salam buat kekasih.

Alḥamdulillāh, segala puji hanyalah bagi Allāh, yang dengan izinNya, mengurniakan kita rezeki untuk hadir di dalam Ramaḍān 1441H ini, melaksanakan rukun Islam ini, mengharapkan segala ganjaran dan keberkatannya yang tidak kita ketahui bakal kita kecapai lagi pada tahun depan atau tidak..

Kita Muslim sedunia diuji Allāh Ta‘ālā dengan ujian Covid-19, ujian yang menampakkan kepada kita akan kekuasaanNya dan kehendakNya yang pasti berlaku, dan takkan sesiapa yang mampu mengelaknya.

Meskipun demikian, kita tetaplah menzahirkan kesyukuran kita, yakin dengan hikmah dan kebijaksanaanNya yang mustahil meninggalkan kita umatNya ini dalam kesusahan yang berpanjangan.

Begitu juga, kita yakin bahawa berpuasa di musim susah ini, lebih banyak pahala dan keberkatannya, berbanding puasa di musim senang. Sepertimana yang thabit dalam Qawā'id Fiqh, "*al-Ajr 'alā qadr al-Mashaqqah*" (Pahala itu sesuai dengan kadar kesusahan pelaksanaannya).

Bersempena dengan Ramaḍān 1441H ini, dan kedekatan 10 malam terakhir Ramaḍān, menurut kita, sesuaiilah bagi pendamba Lailatul Qadar, untuk merenung dan memperbanyakkan fiqh khusus berkenaan Lailatul Qadar ini. Kita telah terjemahkan dan ringkaskan ia di dalam *ebook* ini, dipetik daripada penghujung *Kitāb al-Ṣiyām* di dalam *magnum opus* Imām al-Nawawī (w. 676H) yang tersohor, *al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab* (Dār al-Hadīth, cet. 2010).

Terima kasih kita ucapkan buat pihak ABIM PRESS atas kesudian menerbitkan dan menyebarkannya secara gratis nan online. Tiada hakcipta yang kita tuntutan di balik terbitan ini, ia bebas diulangcetak dan disebar oleh sesiapa saja, dan digunakan dalam kajian-kajian.

Sesungguhnya tiada apa yang kita miliki melainkan kesalahan dan kesilapan. Sementara seluruh kebaikan itu hanyalah milik Allāh. Sekiranya terdapat sebarang

kekurangan dan kesilapan dalam terjemahan ini, mohon segera dimaklumkan agar segera diperbetulkan, kerana tiada kitab yang sempurna melainkan al-Qur'ān.

Allāh Maha Mengetahui.

Syafiq atTauhidi (Mohammad Syafiq Ismail)

Dhuha 13 Ramaḍān 1441H / 6 Mei 2020M

Maktabah atTauhidi,

Negeri Sabah alMahmiyah billah.

FIQH

LAILATUL QADAR



Imām al-Nawawī *rahimahullāh* berkata di dalam *al-Majmū‘*:

[1]

Lailatul Qadar adalah *faḍilah* (sunat dihidupkan), berdasarkan firman Allāh Surah al-Qadar.

Aṣḥāb kita dan selain mereka juga berkata: Ia merupakan malam yang terbaik sepanjang tahun. Mereka berkata: Firman Allāh Ta‘ālā:

لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ

“Lailatul Qadar itu lebih baik daripada seribu bulan.” (al-Qadar, 3)

Maknanya: ia lebih baik daripada seribu bulan yang tidak ada Lailatul Qadar padanya.


[2]

Lailatul Qadar istimewa buat umat ini, yang dengannya ia menjadi bertambah mulia. Tak pernah ada pada umat sebelumnya.

Lailatul Qadar dinamakan sedemikian kerana ia adalah *Laylah al-Hukm wa al-Faṣl* (Malam Pemutusan dan penentuan takdir). Pendapat inilah yang sahih dan masyhur.

Sementara al-Māwardī dan Ibn al-Ṣabbāgh, dan selainnya mengatakan: (Ia dinamakan sedemikian) kerana *Qadar* (kemuliaannya) yang agung.

Aṣḥāb kita kesemuanya berkata: Ia (Lailatul Qadarlah) yang dimaksudkan dengan:



“(Kami menurunkan al-Qur’ān pada malam yang tersebut, kerana) pada malam yang berkat itu, dijelaskan (kepada malaikat) tiap-tiap perkara yang mengandungi hikmat serta tetap berlaku, (tidak berubah atau bertukar).” (al-Dukhān, 4).

Pendapat inilah yang tepat, dan menjadi pendapat majoriti ulama.

Maknanya: Pada malam itu, ditetapkan buat para malaikat, akan tugasannya pada tahun itu, dan Dia akan menerangkan kepada mereka tentang rezeki, ajal maut dan selainnya yang berlaku pada tahun itu. Allāh Ta‘ālā pun memerintahkan mereka sesuai dengan tugas masing-masing, dan kesemua itu pula sesuai dengan pengetahuan dan ketetapan Allāh yang telah thabit mendahului.

[3]

Lailatul Qadar ini kekal wujudnya hinggalah ke Hari Kiamat. Disunatkan (kepada umat ini) untuk berusaha dengan segala daya upaya menjejakinya.

Sesuai dengan hadis, “Sesungguhnya Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* berusaha berhabis-habisan dalam mencarinya (Lailatul Qadar itu) pada 10 malam terakhir Ramaḍān.” (H.R. Muslim).

Dan hadis, “Baginda *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* – apabila telah masuk 10 hari terakhir (daripada Ramaḍān), baginda akan menghidupkan malam-malamnya (dengan *qiyām*), membangunkan keluarganya (untuk *qiyām*), dan berusaha sesungguhnya, serta mengetatkan (ikatan) kainnya (kiasan kepada tidak berhubungan intim).” (H.R. al-Bukhārī dan Muslim).

Mazhab al-Shāfi‘ī dan majoriti *aṣḥāb* kita berpendapat: Ia (Lailatul Qadar itu) terhad pada 10 malam terakhir daripada Ramaḍān, secara *mubham* (tidak jelas malam

apa) pada kita. Akan tetapi ia berlaku pada malam yang tertentu secara hakikinya, tidak akan bertukar-tukar, dan akan kekal demikian hinggalah ke Hari Kiamat.

Setiap malam daripada 10 malam terakhir itu berkemungkinan menjadi ia (Lailatul Qadar). Hanyasanya, ia paling diharapkan berlaku, pada malam-malam ganjil.

Menurut al-Shāfi‘ī, antara malam-malam ganjil itu pula, malam 21-lah yang paling diharapkan berlakunya (Lailatul Qadar), sepertimana diriwayatkan oleh al-Bandajīnī.

Sementara di tempat lain (di dalam riwayat), beliau cenderung kepada malam 23 (malam Lailatul Qadar).

Di dalam riwayat Qadīm, beliau berpendapat malam 21 dan malam 23 yang paling diharapkan untuk menjadi Lailatul Qadar.

Sementara Imām al-Muzanī dan muridnya Imām Ibn Khuzaymah berpendapat bahawa ia berpindah-pindah antara malam yang sepuluh ini, yakni ia berlaku pada malam sekian pada beberapa tahun, lalu berpindah kepada malam lain pada tahun-tahun seterusnya. Tafsiran ini dilakukan dengan tujuan *al-Jam‘* (menghimpunkan makna) riwayat-riwayat yang kelihatan bercanggah (berkenaan penentuan Lailatul Qadar). Pendapat inilah yang zahir nan terpilih.

Sementara al-Muḥāmili dan *Ṣāhib al-Tanbīh* (Abū Ishāq al-Shīrāzī), dan selain mereka ada berpendapat: ia (Lailatul Qadar) dicari sepanjang bulan Ramaḍān.

Aṣḥāb kita berkata: Ciri-ciri dan alamat petanda malam itu ialah (sesuai hadis H.R. Abū Dāwud):

- Malam yang redup tenang, tidak panas dan tidak sejuk.
- Pagi esoknya cerah putih, tidak terik memancar cahayanya.

Apakah faedahnya mengetahui malamnya kalau sudah terlepas? Ada dua faedah:

- Disunatkan juga untuk beribadah dengan banyak pada siang harinya (bagi Lailatul Qadar itu), sepertimana ibadah padanya (Lailatul Qadar itu – sesuai dengan pendapat *Qadīm* Imām al-Shāfi‘ī).
- Masyhur dalam mazhab: bahawa ia tidak berpindah-pindah. Sekiranya sudah diketahui malamnya pada tahun itu, dia boleh memanfaatkan pengetahuannya ini untuk berusaha keras menjejaknya pada tahun seterusnya (pada tarikh yang sama).


[4]

Disunatkan padanya (Lailatul Qadar itu) untuk memperbanyakkan solat, berdoa, dan berusaha sesungguhnya melaksanakan ibadat-ibadat lain juga padanya.

Sesuai dengan sabda baginda *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, “Sesiapa yang *qiyām* Lailatul Qadar dalam keadaan

beriman dan mengharapakan ganjarannya, segala dosa-dosanya yang terdahulu akan diampunkan.” (H.R. al-Bukhārī dan Muslim)

Disunatkan menghidupkan malam ini hingga terbitnya fajar, berdasarkan firman Allāh,



“Kesejahteraanlah ia, hingga terbitnya fajar.”

(al-Qadar, 5)

Aṣḥāb kita mengatakan: Maknanya ialah: Kesejahteraanlah ia bermula daripada tenggelamnya matahari (mula Lailatul Qadar) hinggalah terbitnya fajar (selesainya Lailatul Qadar).

Ketahuilah, bahawa Lailatul Qadar ini pasti akan disaksikan oleh sesiapa yang dikehendaki Allāh Ta‘ālā daripada kalangan anak Adam, pada Ramaḍān setiap tahun, sepertimana yang diriwayatkan di dalam hadis-hadis dan kisah orang-orang soleh, yang banyak sekali. Adapun pendapat faqīh al-Muhallab al-Mālikī yang dinukilkan Qāḍī ‘Iyāḍ, bahawa ia tidak mampu disaksikan secara hakikinya, merupakan kesilapan yang terlalu teruk. Daku ingatkan agar tiada yang terpedaya dengan pendapat ini.

Ṣāhib al-Ḥāwī (al-Māwardī) berkata: Disunatkan bagi sesiapa saja yang menyaksikan Lailatul Qadar, untuk

menyembunyikannya, dan berdoa dengan ikhlas, niat murni, dan keyakinan yang sahih (akan kemustajabannya), (meminta) akan apa saja yang disukainya berkenaan urusan agama mahupun dunia. Hendaklah doanya itu lebih banyak untuk manfaat agama dan Akhirat.

Alḥamdulillāh, segala puji bagi Allāh, dahulu, kini dan selamanya, atas penyempurnaan terjemahan dan ringkasan bagi karya Imām al-Nawawī, yang kita petik daripada Kitab *al-Majmū‘* ini, yang kita judulkan sebagai *Fiqh Lailatul Qadar*, pada Duḥā 13 Ramaḍān 1441H, bersamaan Rabu 6.5.2020M, di Maktabah atTauhidi, negeri Sabah alMahmiyah billah, di tangan empunya segala dosa dan kesilapan Syafiq atTauhidi. Semoga Allāh yang baik menerimanya dan mengumumkan manfaatnya kepada seluruh umat.

